SANTAPAN HARIAN ANDA

BERITA HARIAN

Jumaat, 5 Jun 2009 (11 Jamadilakhir 1430) | SEBUAH PENERBITAN SINGAPORE PRESS HOLDINGS | MICA (P) 147/11/2008 50 sen

SOLAT

Subuh	5.34
Syuruk	6.58
Zuhur	1.05
Asar	4.29
Maghrib	7.09
Isyak	8.24

DALAM NEGERI

CINTA SILAT

Profesor kembangkan seni silat di dua universiti terkemuka Amerika

Muka 2

KONGSI KEJAYAAN

JEMAAH UMRAH TERKANDAS SEBAB VISA BELUM DILULUS

Amtas, Kedutaan Saudi cuba hurai masalah

Oleh LINILIDIA ABDUL HAMID
lini@sph.com.sg, dan,
NURUL 'AIN RAZALI
nrazali@sph.com.sg

PERSATUAN Agensi Pelancongan Islam Singapura (Amtas) kini giat bekerja rapat dengan Kedutaan Arab Saudi di sini bagi menghuraikan masalah visa umrah yang menjejas sebilangan jemaah.

Mengesahkan demikian dalam satu kenyataan semalam, Amtas berkata masalah itu timbul akibat peraturan baru yang dilaksanakan oleh Arab Saudi.

Pihak berkuasa Arab Saudi menetapkan hanya 20 nombor pendaftaran permohonan visa yang dikeluarkan Kementerian Luar Arab Saudi (Mofa) boleh diberikan setiap hari.

Ini berbanding 60 nombor pendaftaran yang diberikan setiap hari sebelum ini.

Setiap nombor Mofa hanya untuk satu pasport.

Memandangkan lebih ramai yang ingin menunaikan umrah pada musim cuti sekolah bulan ini terdapat kelewatan pemberian nombor Mofa akibat tunggakan pasport yang perlu diproses walaupun GSA telah membuat permohonan visa lebih awal.

Selain nombor permohonan yang terbatas itu, Kedutaan Arab Saudi juga memerlukan sekurang-kurangnya 14 hari untuk memproses setiap pasport.

"Amtas telah merayu kepada Kedutaan Arab Saudi supaya dapat mempercepat proses permohonan itu dan mereka dengan baik hati telah bersetuju mengurangkan waktu memproses permohonan kepada 10 hari," kata kenyataan yang ditandatangani Presidennya, Tengku Mohamad Fouzy Tengku Mahid Jumat.

Beliau berharap para jemaah dapat bersabar dan memberikan kerjasama kepada GSA masing-masing untuk mengatasi masalah tersebut.

Menurut Amtas, Kedutaan Arab Saudi di Singapura sedang bekerja keras untuk membantu para jemaah yang terkandas dengan memproses dan meluluskan pasport mereka secepat mungkin.

Berita Harian difahamkan, tidak semua jemaah yang ingin menunaikan umrah minggu ini terjejas dek peraturan baru itu.

Ada yang sudah pun mendapatkan pengesahan bahawa visa mereka telah diluluskan seawal seminggu lalu.

Seorang jemaah yang bakal berangkat hari ini, Cik Rasidah Mohamed, berkata beliau lega apabila mendapat tahu permohonan visa umrahnya tidak menghadapi sebarang masalah.

"Terperanjat juga apabila dengar jemaah yang sepatutnya terbang kelmarin tak dapat visa sedangkan kumpulan saya yang berangkat hari ini dapat visa. Saya juga dapat tahu ada kumpulan yang berangkat esok dan 8 Jun juga sudah dapat visa. Saya betul-betul syukur," tambahnya.

Menurut beberapa GSA, mereka menerima banyak panggilan daripada jemaah ekoran laporan *Berita Harian* semalam mengenai masalah visa yang dihadapi sesetengah jemaah umrah.

"Apabila baca berita ada kumpulan jemaah yang terkandas ramai yang bimbang. Tetapi alhamdulillah, syarikat kami tidak menghadapi sebarang masalah visa," ujar seorang pegawai sebuah GSA yang tidak mahu namanya disebutkan.

Obama ikrar mulakan 'lembaran baru' bagi Islam, AS

'Pembentukan negara Palestin yang merdeka satu-satunya huraian konflik Timur Tengah'

KAHIRAH: Presiden Amerika Syarikat, Encik Barack Obama, semalam berikrar memulakan "lembaran baru' bagi Islam dan Amerika Syarikat dalam ucapan yang ditujukan kepada 1 bilion umat Islam.

Beliau menggariskan wawasan perdamaian sebagai ganti kitaran "kecurigaan dan permusuhan."

"Selagi hubungan kita dipengaruhi perbezaan kita akan memberi kuasa kepada mereka yang menyemai kebencian dan bukan keamanan," tegas beliau.

Semasa berucap di Universiti Kahirah, Encik Obama menegaskan "satu-satunya huraian" bagi konflik Israel-Palestin ialah pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka bersebelahan dengan Israel.

"Amerika tidak akan menafikan aspirasi rakyat Palestin bagi maruah diri, peluang dan memiliki negara sendiri," tegas Encik Obama, yang menggesa agar rakyat Palestin menamatkan keganasan.

Namun, beliau menegaskan ikatan antara Amerika Syarikat dengan Israel "tidak dapat diputuskan" kerana ia berdasarkan hubungan sejarah dan budaya.

Encik Obama turut menggesa Israel agar menghentikan pembinaan petempatan Yahudi di

Tiada bonus pertengahan tahun bagi kakitangan awam

TIADA bonus pertengahan tahun akan diberikan kepada kakitangan awam tahun ini.

Melibatkan sekitar 66,000 pekerja, keputusan itu dibuat memandangkan keadaan ekonomi yang masih tidak menentu, kata Divisyen Perkhidmatan Awam (PSD), Pejabat Perdana Menteri (PMO), dalam satu kenyataan petang semalam.

Dengan pemotongan

Anggerik Belia Asia

6319-5364
MEJA KOMENTAR:
6319-5671
FOTO:
6319-5250
IKLAN: 1800-269-9988
LANGGANAN:
6388-3838

Zakat Harta

Kadar nisab:
$4,017.00

Cuaca

Hujan lewat pagi.
Suhu: 26-31.

Air Pasang

10.24 pagi ...2.3 meter
3.46 petang ...1.2 meter
9.22 malam ...2.6 meter

Anda melihat sesuatu yang menarik? Hubungi 'hotline' 1800-822-7272

Ralat

DALAM laporan bertajuk *SAF sedia hantar pasukan radar kesan senjata ke Pak* di Muka 3 semalam kami tersilap menyatakan Tarin Kowt terletak di wilayah Oruzgan di Pakistan.

Sebenarnya, ia terletak di Afghanistan.

Kami memohon maaf di atas kesilapan itu.

HAMPIR 84 peratus guru Bahasa Melayu berumur tidak lebih 40 tahun – menunjukkan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan muda.

Ia juga bermakna era generasi guru Bahasa Melayu terdidik di sekolah dan aliran Melayu sudah berlalu, kata tahunan dan ini [illegible] pengajaran bahasa Melayu mendalam kerana mereka mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa pertama," ujar beliau di *Seminar Bahasa Melayu 2009* di Maktab Rendah Meridian semalam.

Seminar itu dianjurkan Unit Bahasa dan Pengembangan Bahasa Melayu akan mengambil peluang ini untuk maju. Mereka harus membuat bahasa Melayu relevan dalam konteks Singapura dan rantau ini," kata beliau.

Dr Farishal juga mengaku-akukan penyertaan 535 guru Bahasa Melayu dalam seminar itu.

"Apa yang ingin ditegaskan ialah bagaimana kita dapat meningkatkan pengetahuan guru tentang bahasa, kesasteraan dan budaya Melayu. Kami juga ingin menekankan pentingnya kaedah pengajaran atau pedagogi," ujar beliau.

Dua penceramah dari Malaysia tumenyarah: Kanan Jabatan Bahasa dan Pendidikan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Dr Fadzilah Abd Rahman, berkata:

"Kita tidak boleh berkembang atau meningkat secara sendirian. Kita harus saling berhubungan dan berkongsi kalau kita ingin memartabatkan bahasa Melayu."

HIV

Jumlah warga dijangkiti virus bertambah

LEBIH ramai warga Singapura dijangkiti HIV – bertambah kepada 456 orang tahun lalu berbanding 423 pada 2007.

Separuh daripada berada di tahap terakhir apabila mendapat tahu mengenai jangkitan virus itu, menurut perangkasan Kementerian Kesihatan (MOH) yang dikeluarkan semalam.

Bilangan kes tahun lalu itu menjadikan jumlah pesakit Aids, yang berpunca daripada virus HIV, seramai 3,941 orang sejak penyakit itu mula muncul di sini pada 1985.

Daripada jumlah itu, 1,228 pesakit telah meninggal dunia.

Menurut MOH, hubungan seks punca utama jangkitan HIV di sini.

Jangkitan melalui hubungan heteroseksual, atau seks dengan berlainan jantina, membentuk 54 peratus kes. Namun, bilangannya berkurangan daripada 255 pada 2007 kepada 248 tahun lalu.

Jangkitan berpunca daripada hubungan homoseksual, atau seks sejantina, bertambah 16 peratus.

Kes berpunca daripada hubungan biseksual, atau seks dengan berlainan jantina dan sejantina, bertambah 127 peratus.

MOH tidak memberi sebab-sebab kenaikan dalam kes HIV dan Aids di sini, tetapi berkata lebih banyak langkah diambil tahun lalu untuk menggalak orang ramai menjalani ujian mengesan virus dan penyakit itu.

Bilangan klinik menawarkan ujian HIV bagi individu yang memilih merahsiakan nama mereka telah meningkat kepada tujuh sejak ia dimulakan di sebuah klinik di Kelantan Lane.

Klinik itu dikendalikan Kumpulan Bertindak Bagi Aids (AFA).

Hospital awam juga telah memulakan skim ujian HIV dan Aids bagi mereka yang berumur 21 tahun dan ke atas akhir tahun lalu.

Namun, mereka boleh memilih untuk dikecualikan daripada ujian itu.

Peluk Islam dan jelajah dunia hasil seni silat

Oleh LINLIDIA ABDUL HAMID
lina@tpg.com.sg

CINTANYA terhadap pencak silat berputik lebih 28 tahun lalu. Bahkan, silat membawanya memeluk Islam sekitar 19 tahun lalu.

Ia juga membawa Encik Muhd Khalid Ibn Waleed, yang nama asalnya, Leonardo J. Stoute, ke serata dunia, termasuk institut pengajian tinggi ulung Yale dan Harvard di Amerika Syarikat.

Encik Stoute, yang lebih senang dipanggil Bapak Waleed dan bergelar profesor, sering diundang memberi ceramah tentang seni silat di dua universiti itu.

Malah, beliau pernah diundang ke Universiti Yale untuk memberi ceramah tentang nilai-nilai pemuliharn yang boleh dirah dengan mengamalkan seni silat.

Sebelum mengenali silat, Bapak Waleed pakar seni bela diri taekwondo dan kungfu serta mempunyai akademi seni mempertahan dirinya sendiri di Michigan, Amerika.

Beliau memiliki tali pinggang hitam dalam taekwondo dan tali pinggang merah dalam kungfu – pangkat tertinggi dalam kedua-dua seni mempertahan diri itu.

Ditemui ketika berada di sini baru-baru ini, Bapak Waleed, 53 tahun, berkata beliau jatuh cinta pada seni silat setelah diperkenalkan kepadanya oleh seorang lelaki asal Sumatera.

Bapak Waleed, yang hanya ingin memberi nama lelaki itu sebagai Encik Siregar, berkata pertemuan beliau dengannya sungguh tidak diduga dan membuka matanya kepada keindahan seni silat.

"Saya belajar silat hampir 10 tahun dengan Encik Siregar. Dalam jangka masa itu saya berulang-alik ke Sumatera dari Amerika sebelum Encik Siregar akhirnya menyuruh saya mencari guru kerohanian," katanya.

Menurut Bapak Waleed, dari situlah beliau mengenali Islam yang akhirnya membuka pintu hatinya mengucapkan dua kalimah syahadah pada 11 Januari 1991.

"Setelah memeluk Islam saya mendapati saya dapat lebih mendalami dan menghayati apa sebenarnya seni silat," ujar beliau.

Ini mendorongnya menyebarkan pengetahuan tentang silat dan agama Islam kepada para pelajarnya. Silat telah membawanya ke negara-negara seperti Turkey, Afrika Selatan, Mesir, Jepun dan beberapa negara di Eropah.

Malah, beliau, yang dilahirkan di Panama, Amerika Selatan, sering diundang ke Indonesia untuk mengajar seni silat, kata Bapak Waleed.

Usaha beliau mengembangkan seni silat di serata dunia telah diktiraf Datuk Bandar Padang, Sumatera Barat, yang mengangerahkannya 'kunci bandar' itu pada 2004.

SEBAR ILMU SILAT: Bapak Waleed sering diundang memberi ceramah tentang seni silat, termasuk nilai pemuliharnya, di universiti Yale dan Harvard. – Foto TUNI SHARIFF

HOON HOE BROTHERS
RENOVATION & TRADING
eagledesign Pte Ltd
Blk 1 Everton Park #01-37 S'pore 081001
Tel: 6223 8833 / 6451 2366 Fax: 6223 5117
Sila Hubungi Mr Tan (Hp: 9191 6633)

MTM
MOHAMED TAIFOOR MOTORING
THE CAR CONSULTANT
PROMOSI JAMADILAKHIR
Dengan setiap pembelian,

WHITE SKIN USA
BARAKAH & INTERNATIONAL